

"DAN berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahmi) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak). Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya".
 - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 26 - 27.



DUA pelajar Tahun 3 dari program pra siswazah Bachelor of Halal Science di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Osaka, Jepun.

Siaran Akhbar : Universiti Islam Sultan Sharif Ali
 Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Mei. - Dua pelajar Tahun 3 dari program pra siswazah Bachelor of Halal Science di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Osaka, Jepun, kelmarin.

Mereka akan menjalani latihan

industri selama 75 hari dan akan ditempatkan di Kampus Suita, Osaka University, Jepun.

Kedua-dua pelajar menerima biasiswa melalui Skim At Tamayyuz UNISSA bagi pelajar yang cemerlang dalam akademik.

Turut hadir ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi

2 pelajar UNISSA jalani latihan industri di Osaka University

mengucapkan selamat belayar ialah Pengarah di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah Pengiran Haji Hashim.

Tujuan sebenar latihan industri ialah untuk mendedahkan para pelajar kepada situasi dan alam pekerjaan yang sebenar kerana semasa menjalani latihan ini, para pelajar dapat berinteraksi dengan pekerja lain dan secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan dan kemahiran berkomunikasi apabila berhadapan dengan masyarakat sekeliling.

Pelajar juga akan berpeluang untuk menjalankan penyelidikan secara praktikal berkenaan dengan aspek halal semasa berada di sana.

Keperluan dan permintaan dalam penyelidikan halal semakin meningkat memandangkan lebih ramai pengguna dari kalangan orang Islam dan bukan Islam mulai peka mengenai kepentingan dan kelebihan aspek halal dan thayyiban dalam makanan.

Osaka University dan juga UNISSA sangat aktif dalam jaringan kerjasama dari segi program pengantarabangsaan pelajar, mobiliti dan juga penyelidikan dalam bidang sains, teknologi dan sains sosial.

Ini merupakan kekuatan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban sebagai pusat kecemerlangan dalam penyelidikan dalam disiplin sains halal.